

SULIT



UNIVERSITI TUN HUSSEIN ONN MALAYSIA

**PEPERIKSAAN AKHIR
SEMESTER I
SESI 2012/2013**

NAMA KURSUS	:	PERKEMBANGAN PENDIDIKAN DI MALAYSIA: FALSAFAH DAN DASAR
KOD KURSUS	:	BBD 18002
PROGRAM	:	SARJANA MUDA PENDIDIKAN (SEKOLAH RENDAH)DENGAN KEPUJIAN
TARIKH PEPERIKSAAN	:	DISEMBER 2012 / JANUARI 2013
JANGKA MASA	:	2 JAM
ARAHAN	:	KERTAS SOALAN INI MENGANDUNGI DUA (2) BAHAGIAN. SILA JAWAB SEMUA SOALAN DALAM BAHAGIAN A DAN (2) SOALAN DALAM BAHAGIAN C

KERTAS SOALAN INI MENGANDUNGI EMPAT BELAS (14) MUKA SURAT

SULIT

- S5** Berikut adalah syor-syor Penyata Razak 1956, mengenai sistem persekolahan peringkat sekolah rendah
- i Sekolah umum adalah sekolah pelbagai kaum
 - ii Keempat-empat sekolah vernakular akan diteruskan
 - iii Sekolah jenis umum boleh menggunakan bahasa penghantar mereka masing-masing
 - iv Bahasa Melayu dan Bahasa Inggeris menjadi matapelajaran wajib bagi semua sekolah rendah
- A i dan ii sahaja
 - B iii dan iv sahaja
 - C i, iii dan iv sahaja
 - D i, ii, iii dan iv sahaja
- S6** Apakah tugas utama Jawatankuasa Penyemak Pelajaran yang dibentuk pada tahun 1959?
- A Mengkaji masalah-masalah sistem pendidikan
 - B Mengkaji semula polisi pendidikan kebangsaan
 - C Mengkaji kelemahan-kelemahan laporan Razak
 - D Mengkaji kesan-kesan pelaksanaan Laporan Razak
- S7** Pendidikan di Malaysia mengalami pelbagai perubahan daripada era sebelum merdeka sehingga kini adalah bertujuan untuk
- A melaksanakan Penyata Razak
 - B memertabatkan sistem pendidikan negara
 - C membudayakan pembelajaran ilmu sains dan teknologi
 - D memperbanyakkan bilangan sekolah untuk menampung pertambahan murid-murid
- S8** Berikut adalah ciri-ciri era pendidikan masyarakat tradisional, kecuali
- A. Berbentuk sekolah vernakular
 - B. Pembelajaran secara turun-temurun
 - C. Melahirkan generasi yang beradap sopan
 - D. Bertujuan melahirkan insan berkemahiran
- S9** Halatuju Sekolah Inggeris yang di tubuhkan bertujuan untuk
- A. melatih tenaga kerja
 - B. meningkatkan kemahiran Sains
 - C. meningkatkan kemahiran Matematik
 - D. menyekat peluang orang Melayu mengembangkan bakat

Bahagian A

- S1. Di antara berikut adalah kesepaduan dalam KBSM kecuali
- A nilai-nilai murni merentas kurikulum
 - B. penyerapan ilmu di antara mata pelajaran
 - C. isi kandungan kurikulum dengan kokurikulum
 - D. bahasa bukanlah aspek penting di dalam merentas kurikulum
- S2. Pernyataan berikut adalah pernyataan Laporan Rahman Talib 1961
- i Murid naik darjah secara automatik
 - ii Pelajaran di sekolah rendah adalah percuma
 - iii Sekolah rendah menjadi sekolah kebangsaan dan jenis kebangsaan
 - iv Sekolah pelajaran lanjutan merupakan persekolahan hingga umur 15 tahun
- A i dan ii sahaja
 - B i, ii dan iii sahaja
 - C ii, iii dan iv sahaja
 - D i, ii, iii dan iv sahaja
- S3. Kurikulum Baru Sekolah Rendah diubahsuai dan menjadi Kurikulum Bersepadu Sekolah Rendah pada tahun _____
- A 1991
 - B 1992
 - C 1993
 - D 1994
- S4. Struktur Kurikulum Bersepadu Sekolah Rendah (KBSR) yang dilaksanakan sepenuhnya di semua sekolah rendah pada tahun 1983 dibentuk berlandaskan Perakuan 57 (a) Laporan Kabinet (1979). Terdapat tiga bidang asas yang disyorkan dalam Perakuan 57 (a). Bidang-bidang tersebut ialah
- A. Bidang komunikasi, bidang bahasa, dan bidang manusia dengan alam sekelilingnya
 - B. Bidang komunikasi, bidang perkembangan individu dan bidang manusia dengan alam sekelilingnya
 - C. Bidang perkembangan individu, bidang manusia dengan alam sekelilingnya, dan bidang kemahiran asas
 - D. Bidang perkembangan individu, bidang manusia dengan alam sekelilingnya, dan bidang kerohanian nilai dan sikap

- S10** Sistem pendidikan di Malaysia era penjajahan bermula daripada
- A penaklukan Belanda ke atas Melaka pada tahun 1511
 - B penaklukan British ke atas Singapura pada tahun 1856
 - C penubuhan sekolah vernakular Melayu di Singapura pada tahun 1856
 - D penubuhan sekolah Inggeris di Pulau Pinang oleh Francis Light pada tahun 1856
- S11** Gerak kerja murid pada era pendidikan masyarakat tradisional ada persamaan dengan kegiatan kokurikulum murid dalam sistem pendidikan masa kini ialah
- A menjalani aktiviti perkhemahan
 - B mengambil bahagian dalam sukan
 - C menganggotai persatuan beruniform
 - D menolong guru bekerja di kebun atau sawah
- S12** Suruhanjaya Razak bersetuju dengan cadangan Barnes tetapi membuat sedikit perubahan. Nyatakan perubahan tersebut.
- A Umur mula bersekolah ialah tujuh tahun
 - B Bersetuju dengan cadangan Barnes tetapi melaksanakannya beransur-ansur
 - C Kerajaan membuka peluang kepada penubuhan sekolah Cina dan sekolah Tamil
 - D British ingin menyegerakan penubuhan satu jenis sekolah sedangkan Suruhanjaya Razak menangkuskannya
- S13** Manakah antara berikut bukan ciri-ciri Kurikulum Standard Sekolah Rendah (KSSR)?
- A Penghayatan amalan agama, kepercayaan, sikap dan nilai
 - B Penguasaan pengetahuan dan kemahiran murid berasaskan 3 M
 - C Pemupukan kepimpinan dan sahsiah melalui kurikulum dan kokurikulum
 - D Pengabungjalinan kemahiran bahasa secara lisan dan bukan lisan semasa berinteraksi
- S14** Berikut adalah pendekatan pengajaran dan pembelajaran KBSM kecuali
- A. Kesepaduan di antara teori dan amali
 - B. Berkeupayaan mencapai kesejahteraan diri
 - C. Kesepaduan pengalaman pembelajaran di antara matapelajaran
 - D. Kesepaduan ilmu pengetahuan, kemahiran, nilai dan bahasa dalam pelajaran

S15 Sistem yang manakah mempengaruhi pembentukan sistem pendidikan masyarakat tradisional Malaysia?

- i. Sistem sosial
- ii Sistem politik
- iii Sistem ekonomi
- iv Sistem pemerintahan

- A i dan ii sahaja
- B i, ii dan iii sahaja
- C ii, iii dan iv sahaja
- D i, ii, iii dan iv sahaja

S16 Mengapakah selepas merdeka Sekolah Menengah Kebangsaan diwujudkan?

- A Mengesahkan bahawa Bahasa Melayu adalah Bahasa Kebangsaan
- B Memberi peluang kepada anak-anak Melayu mendapat pendidikan menengah
- C Kerana kontrak sosial yang dipersetujui oleh semua penduduk Tanah Melayu ketika itu
- D Melaksanakan cadangan Suruhanjaya Barnes bahawa bahasa Melayu adalah media tunggal di sekolah

S17 Intisari teras strategik Pelan Induk Pembangunan Pendidikan 2006-2010 ialah

- i membina negara bangsa
- ii membangunkan modal insan
- iii memartabatkan profesion perguruan
- iv merapatkan jurang ekonomi masyarakat

- A i, ii dan iii
- B i, ii dan iv
- C i, iii dan iv
- D ii, iii dan iv

S18 Pernyataan berikut menunjukkan pihak British tidak campur tangan dalam pendidikan venakular

- A British cuci tangan dalam hal ini
- B Agama adalah hak setiap orang yang tinggal di Tanah Melayu.
- C Keadaan itu memberi peluang kepada British untuk mengekalkan dasar pecah dan perintahnya
- D Pendidikan bukan agenda penting kepada orang British. Mereka lebih menumpukan kepada agenda ekonomi

S19 Mengapakah Suruhanjaya Fenn-Wu tidak mempertimbangkan bantahan orang Cina dan orang India mengenai cadangan Barnes?

- A Cadangan Barnes sangat kukuh dan tidak boleh digugat.
- B Suruhanjaya ini dibiayai oleh British walaupun ada suntikan seorang professor Cina.
- C Suruhanjaya ini mengesahkan bahawa sekolah Melayu sahaja yang ada dalam rekod British ketika itu.
- D Orang British lebih banyak memihak kepada orang Melayu kerana sejarah mereka di Malaysia adalah kerana orang Melayu.

S20 *Special Malay Class* diperkenalkan oleh Inggeris bertujuan untuk

- A menambah bilangan pegawai kerajaan
- B menyediakan kemahiran bekerja dalam sistem persekolahan Melayu
- C membantu murid-murid Melayu meningkatkan penguasaan ilmu sains dan matematik
- D memberi peluang lebih ramai anak-anak orang Melayu mengikuti pendidikan di sekolah Inggeris

S21 Manakah antara berikut merupakan matlamat utama kajian Jawatankuasa Kabinet 1974

- A Mengkaji kesesuaian sistem persekolah
- B Menilai pelaksanaan Dasar Pelaksanaan Kebangsaan
- C Mengkaji kurikulum dan memberi syor-syor yang berkaitan
- D Membuat cadangan untuk pelaksanaan Dasar Pelajaran Kebangsaan

S22 Laporan Razak boleh dianggap sebagai batu asas bagi perkembangan sistem pendidikan kebangsaan di Malaysia. Ciri-ciri penting dalam pendidikan kebangsaan ini ialah:

- i Hasrat untuk membentuk satu sistem pendidikan kebangsaan bagi semua kaum
- ii Untuk menjadikan bahasa Melayu sebagai bahasa pengantar utama
- iii Untuk menjadi kurikulum yang berorientasikan kepada alam keliling tanah air dengan mewujudkan sukatan pelajaran yang sama isi kandungannya
- iv Untuk memperkukuhkan sistem pendidikan kebangsaan bagi semua pelajar di negara ini

- A. i dan ii sahaja
- B. i, ii dan iii sahaja
- C. ii, iii dan iv sahaja
- D. i, ii, iii dan iv sahaja

S23 Keseimbangan sistem sosial di sekolah adalah melalui peranan

- A guru, murid dan ibu bapa
- B semua kakitangan sekolah
- C guru, tukang kebun dan ibu bapa
- D guru besar, kerani, guru dan peraturan sekolah

S24 Ciri-ciri Kurikulum Kebangsaan berdasarkan Akta Pendidikan 1996 (peraturan-peraturan kurikulum kebangsaan)

- i kurikulum dan kegiatan kokurikulum
- ii mempertingkatkan nilai moral yang diingini
- iii penggunaan bahasa Malaysia sebagai bahasa ilmu
- iv membantu perkembangan seorang murid dari segi jasmani, emosi, mental dan rohani

- A i, ii dan iii sahaja
- B i, ii dan iv sahaja
- C i, iii dan iv sahaja
- D ii, iii dan iv sahaja

S25 Falsafah Pendidikan Kebangsaan mengawal pelaksanaan sistem pendidikan kerana ianya

- A bertepatan dengan kehendak negara
- B menjurus kepada pencapaian Wawasan 2020
- C menjadi kerangka kepada hasrat pembinaan negara.
- D segala sumbernya fokus untk mencapai cita-cita negara

S26 Berikut adalah syor-syor dalam Akta Pendidikan 1995 kecuali

- A memperkenalkan program latihan guru ke peringkat diploma dan ijazah
- B memansuhkan Lembaga Pengurusan Sekolah di semua peringkat sekolah
- C menaik taraf Sekolah Menengah Vokasional ke Sekolah Menengah Teknik
- D mewajibkan semua TADIKA mengikut garis panduan kurikulum prasekolah

S27 Akta Pendidikan Pendidikan 1996 merupakan lanjutan dan pembaharuan dari Akta Pelajaran 1961 bertujuan

- A memperkasakan sistem pendidikan bertaraf dunia
- B memastikan sistem pendidikan di tambah baik dan lebih relevan
- C memperuntukan enakmen kuasa-kuasa menteri dalam sistem pendidikan
- D untuk memperluaskan skop dan memperkenalkan perundangan mengenai pendidikan.

- S28** Sekolah Vernakular Tamil adalah sekolah persendirian yang tidak mendapat bantuan kewangan daripada pemerintahan British, tetapi diberi bantuan kewangan oleh kerajaan British. Mengapa ?
- A Sebagai tarikan buruh dari India bekerja di ladang getah di Tanah Melayu
 - B Supaya orang Melayu bekerjasama dengan orang India dalam bidang pendidikan
 - C Supaya Persatuan Mubaligh Kristian membanyakkan lagi bilangan Sekolah Vernakular Tamil
 - D Untuk menseimbangkan bilangan Sekolah Vernakular Cina dengan bilangan Sekolah Vernakular Tamil
- S29** Dalam usaha memperkasakan pendidikan dalam jangka panjang unsur-unsur berikut perlu diambilkira:
- i Perkembangan teknologi
 - ii Penerokaan angkasa lepas
 - iii Memperkembangkan industri makanan
 - iv Mencari pasaran baru bagi barangan Malaysia
- A i, ii dan iv sahaja
 - B i, iii dan iv sahaja
 - C ii, iii dan iv sahaja
 - D i, ii, iii dan iv sahaja
- S30** Sekolah Jenis Kebangsaan yang menggunakan bahasa pengantar Inggeris, Cina dan Tamil merupakan cadangan daripada
- A Laporan Razak 1956
 - B Laporan Rahman Talib 1961
 - C Laporan Hussein Onn 1972
 - D Laporan Mahathir Mohamed 1985
- S31** Beri sebab yang memerlukan bahawa kurikulum pendidikan mesti diubahsuai dari masa ke semasa
- A Sudah sampai masanya diubahsuai
 - B Supaya kurikulum itu sentiasa segar kepada pelajar
 - C Pelajar mudah jemu dengan kurikulum yang sedia ada
 - D Perubahan teknologi menyebabkan kurikulum perlu diubah

- S32 Mengapakah perpaduan sangat dititikberatkan dalam sistem pendidikan di Malaysia?
- A Ekonomi Malaysia bergantung kepada pengkalan perpaduan penduduknya
 - B Perpaduan adalah kunci kepada kesejahteraan di Malaysia kerana kepelbagaian penduduknya
 - C Pengalaman 13 Mei 1969 menjadi penanda aras bahawa perbezaan antara kaum tidak boleh diabaikan begitu sahaja
 - D Persekitaran dan lanskap sosio-politik Malaysia melibatkan berbagai-bagai kumpulan etnik yang berlainan budaya dan agama
- S33 Matapelajaran lukisan, kesusasteraan dan senia adalah untuk membina dalaman pelajar. Pernyataan yang manakah yang berkaitan dengan hasrat tersebut?
- A Masyarakat yang menyanjung seni dikatakan lebih berjaya
 - B Kerjaya seseorang akan berkembang jika ada kemahiran estetika
 - C Seni adalah panduan membina manusia yang kreatif dan inovatif
 - D Kesemua matapelajaran tersebut membantu membina nilai-nilai estetika
- S34 Program KBSR mula-mulanya dirancang berlandaskan syor-syor _____.
- A Penyata Razak 1956
 - B Laporan Kabinet 1979
 - C Laporan Rahman Talib 1961
 - D Jawatankuasa Pemandu 1980
- S35 Semua berikut merupakan ciri-ciri KBSR masa kini, kecuali _____
- A Bercorak pendidikan asas
 - B Strategi pengajaran berpusatkan guru
 - C Bahan dan aktiviti pengajaran-pembelajaran dirancang berdasarkan kehendak individu
 - D Penggabungjalinan kemahiran dan penyerapan ilmu serta nilai-nilai murni di antara mata pelajaran
- S36 Antara penekanan Akta Pendidikan 1996 ialah mengenai pendidikan di peringkat TADIKA. Antara pernyataan yang berikut yang manakah benar?
- A Semua kelas prsekolah hendaklah mengikut kurikulum yang standard
 - B Semua guru prasekolah hendaklah mereka yang memiliki kelayakan akademik minimum
 - C Semua guru peringkat prasekolah hendaklah menjalani latihan khas mengenai pendidikan prasekolah
 - D semua kanak-kanak yang berumur antara tiga hingga empat tahun diwajibkan menghadiri pendidikan prasekolah

Apakah

Selanjutnya ?

BBD 18002

S45

Reformasi pendidikan dalam dekad 80-an melahirkan program Kurikulum Baru Sekolah Rendah (KBSR) dan Kurikulum Bersepadu Sekolah Menengah (KBSM).

- A Berdedikasi terhadap profesion
- B Peka terhadap prestasi akademik murid
- C Memberi penekanan kepada kemahiran 3M
- D Bersedia mengubah strategi dan pendekatan pengajaran

S46 Orang Cina daang ke Tanah Melayu pada pertengahan abad ke-15 tetapi tidak menubuhkan sekolah Cina hingga tahun 1900 kerana

- A Sukatan pelajaran tidak dibawa dari negeri Cina
- B Orang Cina mengikuti sistem pendidikan orang Melayu
- C Ibu bapa orang Cina lebih yakin mengajar anaknya sendiri
- D Bilangan mereka tidak ramai dan tidak berniat untuk menetap di Tanah Melayu

S47 Berikut merupakan kehendak Kurikulum Kebangsaan dimana terdapat beberapa kehendak yang telah dirancang dan dilaksanakan dasarnya seimbang dengan Falsafah Pendidikan Kebangsaan. Nyatakan kehendak Kurikulum Bersepadu Sekolah Rendah (KBSR)?

- A Mencapai matlamat perkembangan individu secara menyeluruh mengikut mata pelajaran
- B Mencerminkan matlamat dan objektif Falsafah Pendidikan Kebangsaan dan Wawasan 2020, globalisasi dan penggunaan teknologi maklumat dan komunikasi (ICT)
- C Melengkapkan murid-murid dengan keterampilan berbahasa dan berkomunikasi untuk memenuhi keperluan diri, memperoleh ilmu, perhubungan sosial dan urusan harian
- D Melahirkan insan seimbang, kreatif, kritis, inovatif melalui tunjang komunikasi, sains dan teknologi, perkembangan fizikal dan estetika, ketrampilan diri, kemanusiaan dan kerohanian, sikap dan nilai

S48 Perkembangan kurikulum tidak berlaku dengan sendiri tanpa sebab yang mempengaruhinya. Berikut merupakan faktor-faktor yang mempengaruhi perubahan kurikulum kecuali

- A Faktor sosial
- B Faktor politik
- C Faktor individu
- D Kehendak masyarakat

- S49** Beri sebab yang memerlukan bahawa kurikulum pendidikan mesti diubahsuai dari masa ke semasa
- A Sudah sampai masanya diubahsuai
 - B Supaya kurikulum itu sentiasa segar kepada pelajar
 - C Pelajar mudah jemu dengan kurikulum yang sedia ada
 - D perubahan teknologi menyebabkan kurikulum perlu diubah
- S50** Mengapakah agenda perpaduan menjadi penting dalam sistem pendidikan?
- A Menjadi kaedah untuk menanamkan semangat cintakan negara
 - B Kesejahteraan dan kebajikan rakyat adalah keutamaan kerajaan
 - C Menyatupadukan rakyat yang berbilang kaum supaya hidup dengan harmoni
 - D Ekonomi hendaklah dikongsi bersama supaya kemakmuran negara dinikmati bersama

Bahagian B (50 markah)

ARAHAN : Jawab dua (2) dari tiga soalan yang disediakan

- S1** (a) Nyatakan maksud dasar dan berikan tiga (3) kepentingan dalam membentuk sistem pendidikan ke arah negara maju.
(6 markah)
- (b) Terangkan tiga (3) dasar-dasar kerajaan yang telah di laksanakan dalam perkembangan sistem pendidikan.
(9 markah)
- (c) Dengan berbantuan contoh yang sesuai, huraikan kepentingan Rancangan Malaysia Ke Sembilan (RMK 9) terhadap perkembangan sistem pendidikan hari ini.
(10 markah)
- S2** (a) Huraikan tiga (3) pernyataan yang terkandung dalam Laporan Razak.
(6 markah)
- (b) Jelaskan ciri-ciri Sekolah Wawasan dan kepentingannya terhadap sistem perpaduan nasional.
(9 markah)
- (b) Huraikan perbezaan di antara Akta Pelajaran 1961 dengan Akta Pendidikan 1996.
(10 markah)
- S3** (a) Nyatakan maksud *soft landing* dan tujuan Memartabatkan Bahasa Melayu dan Memperkasakan Bahasa Inggeris (MBMMBI).
(5 markah)
- (b) Jelaskan maksud Sekolah Berprestasi Tinggi (SBT) dan terangkan pelaksanaannya dalam membantu meningkatkan kecemerlangan pendidikan.
(10 markah)
- (c) Huraikan maksud profesionalisme dan terangkan langkah-langkah yang dapat meningkatkan tahap profesionalisme guru dalam memertabatkan profesion perguruan.
(10 markah)

S37 Apakah premis Suruhanjaya Barnes yang mencadangkan hanya ada satu jenis sekolah dan satu bahasa sahaja?

- A Desakan orang Melayu ketika itu
- B Hanya sekolah Melayu sahaja yang ada ketika itu
- C Sekolah Melayu sahaja di bawah tanggungjawab British
- D Tidak banyak maklumat untuk membuat pertimbangan lain

S38 Antara program pengantarabangsaan pendidikan ialah melalui:

- i Program pertukaran pelajar.
- ii Latihan dan pendidikan di luar negara.
- iii Meramaikan lagi pelajar asing di Malaysia.
- iv Membenarkan penubuhan institusi pendidikan dari luar negara.

- A i dan ii sahaja.
- B ii dan iii sahaja.
- C iii dan iv sahaja.
- D i, ii, iii dan iv sahaja

S39. Berikut merupakan antara cadangan yang dikemukakan dalam Penyata Razak 1956.
Pilih cadangan yang benar

- A Menjadikan Bahasa Inggeris sebagai mata pelajaran wajib di semua sekolah vernakular
- B Mempunyai kurikulum tersendiri mengikut sistem persekolahan masing-masing dan menjadikan Bahasa Melayu, Bahasa Cina dan Bahasa Tamil sebagai bahasa pengantar
- C Penubuhan sekolah dwibahasa dengan Bahasa Melayu dan Bahasa Inggeris sebagai bahasa pengantar dan pertukaran sekolah-sekolah Melayu, Tamil dan Cina kepada Sekolah Kebangsaan
- D Semua jenis sistem persekolahan yang sama bagi semua dengan Bahasa Kebangsaan sebagai Bahasa pengantar bagi semua peringkat persekolahan dan semua jenis kurikulum dan peperiksaan sekolah yang sama

- S40** Manakah antara yang berikut merupakan tujuan Pelan Induk Pembangunan Pendidikan (PIPP) 2006 – 2010
- A Untuk memantapkan sektor pendidikan negara
 - B Untuk dijadikan garis panduan pembangunan pendidikan negara secara menyeluruh.
 - C Untuk menghasilkan pendidikan berkualiti bagi semua berdasarkan dua pendekatan utama
 - D Sebagai satu dokumen perancangan pembangunan pendidikan yang bersepadu komprehensif dan menyeluruh
- S41** Falsafah Pendidikan Kebangsaan mengawal pelaksanaan sistem pendidikan kerana ianya
- A bertepatan dengan kehendak negara
 - B menjurus kepada pencapaian Wawasan 2020
 - C menjadi kerangka kepada hasrat pembinaan negara
 - D segala sumbernya berfokus untuk mencapai cita-cita negara
- S42** Mata pelajaran berikut adalah kumpulan mata pelajaran wajib bagi Sekolah Menengah Rendah kecuali
- A Kemahiran Hidup
 - B Pendidikan Muzik
 - C Pendidikan Moral
 - D Pendidikan Jasmani
- S43** Implikasi Laporan Jawatankuasa Kabinet 1979 ialah
- A Kenaikan kelas secara automatik
 - B Aspek pengayaan mula dilaksanakan
 - C Aspek pemulihan mula dilaksanakan
 - D KBSR dan KBSM mula dilaksanakan
- S44** Faktor - faktor yang mempengaruhi pembentukan Kurikulum Bersepadu Sekolah Rendah (KBSR) adalah untuk memenuhi kehendak
- i Negara
 - ii Individu
 - iv Wawasan 2020
 - iii Penyata Kabinet
- A i dan ii sahaja
 - B ii dan iii sahaja
 - C i, ii dan iii sahaja
 - D i, ii, iii dan iv sahaja